

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BAGI TAHUN 2025**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
SABTU, 8 MAC 2025**

PJL07/01/2025

1

No. Soalan: PL112

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN

TARIKH : 08.03.2025 [SABTU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI DAUD BIN JIHAN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan justifikasi perbezaan kadar cukai tanah yang lebih tinggi di kawasan perbandaran berbanding luar bandar, sedangkan perkhidmatan seperti kutipan sampah, pembersihan saliran, dan penyelenggaraan infrastruktur di kawasan perbandaran tidak menunjukkan perbezaan yang ketara. Adakah kerajaan bercadang untuk menilai semula kadar cukai atau meningkatkan perkhidmatan bagi memastikan manfaat yang setimpal.

JAWAPAN:

- Terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan atas pertanyaan yang diajukan berkaitan kadar cukai tanah yang dikuatkuasakan pada masa ini.
- Cukai Tanah dikenakan berdasarkan peruntukan Kanun Tanah (Penggali 40). Cukai ini adalah bayaran tahunan yang wajib dijelaskan oleh setiap pemilik tanah berdaftar. Kutipan Cukai Tanah ini di bawah bidang kuasa Jabatan Tanah.
- Kadar cukai tanah ditentukan berdasarkan jenis penggunaan (syarat khas) tanah, saiz, dan lokasinya. Sebagai contoh, tanah bersyarat perumahan am di dalam kawasan bandaran dikenakan kadar yang lebih tinggi berbanding di luar bandar. Ini kerana tanah yang terletak dalam kawasan bandar mempunyai

market value atau nilai pasaran yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan tanah yang lokasinya di luar kawasan bandar. Maka nilai harga tanah tersebut lebih tinggi jika dibandingkan dengan tanah berukuran sama yang letaknya diluar bandar.

- Misalnya tanah bersyarat perumahan am berukuran 0.25 ekar di Jalan Kumbang Pasang dikenakan cukai tanah sejumlah BND 50 setahun. Dan bagi tanah yang bersyarat dan berukuran yang sama di Kampung Junjongan harga cukainya ialah sejumlah BND 10 setahun.
- Cukai ini dikenakan ke atas tanah, sama ada terdapat binaan dibuat diatasnya atau tidak.
- Cukai tanah tidak tersangkut atau terkait dengan mana-mana perkhidmatan yang diberikan oleh pihak yang berkuasa di dalam kawasan bandaran.
- Cukai Bangunan yang dikenakan di bawah Akta Lembaga-Lembaga Bandaran (Penggai 57) bukan dibawah kuasa Jabatan Tanah atau Kementerian Pembangunan. Seksyen 36 dan Seksyen 4.1 dibawah Akta ini memperuntukkan tugas Lembaga Bandaran untuk mengawal selia antara lain perkhidmatan seperti kutipan sampah, pembersihan saliran, dan penyelenggaraan infrastruktur tertentu. Oleh itu, perkhidmatan-perkhidmatan tersebut tidak ada kaitannya dengan Cukai Tanah.

No. Soalan: PL41

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**

TARIKH : 08.03.2025 [SABTU]

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah Kementerian dalam mengenalpasti murid-murid daripada keluarga berpendapatan rendah dan tidak mendapat makanan berkhasiat malah ada yang tidak makan. Apakah tindakan selanjutnya untuk memastikan kesejahteraan dan pertumbuhan seimbang murid-murid memandangkan kanak-kanak memerlukan makanan berkhasiat untuk pertumbuhan seimbang, selaras dengan dasar negara memelihara kesejahteraan anak damit terutamanya jua bagi murid-murid yang menghadiri menghadiri kelas hingga petang bagi sistem integrasi.

JAWAPAN:

[DIJAWAB SEBAGAI KENYATAAN MENTERI]

NO. SOALAN: PL54**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN****TARIKH : 08.03.2025 [SABTU]****SOALAN:**

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH ROSMAWATTY BINTI HAJI ABDUL MUMIN meminta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman guru berkenaan Standard Guru Brunei (BTS) dan Penilaian Prestasi Guru (TPA). Perkara ini adalah berdasarkan dapatan kaji selidik Ahli MMN dan Warga pendidik yang menunjukkan bahawa hanya 19.7% guru benar-benar memahami standard dan keperluan mereka bagi memenuhi piawaian Pendidikan.

JAWAPAN:

[DIJAWAB SEBAGAI KENYATAAN MENTERI]